

prihatin

sentiasa bersama mu

JILID 5


Sept - Okt 2016



Alat Ganti Tidak Tulen? Jangan Ambil Risiko!

Kursus Pemanduan Defensif SPANCO: Menerapkan Pemandu Berhemah & Berkemahiran Dalam Pemanduan

Jabatan Khidmat Pengurusan Pelanggan Bersedia Hadapi 2018 dengan Perancangan Rapi



Sekilas Minda

- 03 Terus Gah Melangkah ke Penghujung 2016

Yang Perlu Anda Tahu

- 04 Kursus Pemanduan Defensif SPANCO: Menerapkan Pemandu Berhemah & Berkemahiran Dalam Pemanduan
- 06 Terus Komited Menganjurkan Kejohanan Futsal SPANCO 2016 untuk Kali Kedua

- 07 Statistik Kemalangan & Saman untuk Kenderaan Fleet SPANCO

Menjejak Inspirasi

- 08 Jabatan Khidmat Pengurusan Pelanggan Bersedia Hadapi 2018 dengan Perancangan Rapi

Kata Mereka

- 10 Perkhidmatan Cemerlang Bantu Memudahkan Pengurusan Kenderaan Jabatan di MITI

Servis itu Penting

- 12 Alat Ganti Tidak Tulen? Jangan Ambil Risiko!

Persada Inovasi

- 14 'Gajet' Canggih Menyelesaikan Lagi Pemanduan

Merakam Catatan

- 16 Seminar Logistik Pegawai Tentera Darat Tahun 2016

Taklimat SMART (Penyenggaraan Servis dan Risiko)



- 17 Latihan Keselamatan Bersama JPAM

Taklimat Pengurusan Kenderaan MTU

Boling Persahabatan MTU

Libur Destinasi

- 18 10 Idea Menarik Menerokai Percutian di Iran

Bicara Sihat

- 20 Botak Masalah Lazim Bagi Lelaki

Pilihan Servis Anda

- 22 Sabah

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim
Shaheeran Jalalludin
Aimi Diyana Azuddin
Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.

Tel 03-6192 8888

Faks 03-6192 8999

emel prihatin@spanco.com.my

web www.spanco.com.my

Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian
Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.

Tel 03-8941 4013

Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di sebelah. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Terus Gah Melangkah ke Penghujung 2016

2016 akan melabuhkan tirainya. SPANCO terus mantap melaksanakan sasaran serta strategi tahun ini dan satu lagi pencapaian telah kita kecapai. Kita baru sahaja menyelesaikan penghantaran kesemua Proton Perdana baharu pada bulan September lalu. Misi penggantian Proton Inspira ini membuka satu lagi ruang memberi wajah baharu kepada dunia industri fleet.

Dalam meraikan kejayaan ini, kita akan terus memastikan kereta-kereta tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan cekap apabila berada di jalan raya. Namun, tanggungjawab ini bukan hanya terletak di bahu SPANCO semata-mata tetapi juga semua pengguna dan pegawai.

Tidak mengikut jadual servis dan senggaraan masih menjadi isu dan trend yang amat membimbangkan. Masih ramai yang tidak mengendahkan jadual servis dan ini adalah satu kecuaihan yang sangat merugikan.

Pertambahan jumlah kenderaan juga bermaksud pertambahan jumlah servis di kedua-dua pusat servis wilayah (PSW) dan pusat-pusat servis yang diiktiraf (PSD). Ini juga bermakna kita masih boleh mengekalkan modus yang sama untuk menjalankan operasi seperti yang telah kita lakukan sejak bertahun dahulu. Dalam masa yang sama, kami akan terus memanfaatkan teknologi untuk menambah baik kemudahan servis kami.

Kami juga akan melancarkan aplikasi telefon mudah alih yang

pastinya akan memberi kemudahan kepada pelanggan dari segi informasi dan untuk terus berhubung dengan SPANCO jika berlaku sebarang kerosakan atau kes-kes kemalangan, satu lagi perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan SPANCO.

Akhir kata, berhati-hatilah di musim tengkujuh ini, rancanglah perjalanan anda dan elakkan memandu di kawasan banjir. Salam Prihatin.

Dalam meraikan kejayaan ini, kita akan terus memastikan kereta-kereta tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan cekap apabila berada di jalan raya. Namun, tanggungjawab ini bukan hanya terletak di bahu SPANCO semata-mata tetapi juga semua pengguna dan pegawai.



PETER LIM
Pengarah Eksekutif



KURSUS PEMANDUAN DEFENSIF SPANCO

Menerapkan Pemandu Berhemah & Berkemahiran Dalam Pemanduan

Kursus Pemanduan Defensif SPANCO 2016 adalah satu program yang dikhususkan untuk pegawai kerajaan terlibat secara langsung dalam pengendalian kenderaan rasmi jawatan (KRJ) dan kenderaan jabatan (KJ).

Ia adalah sebahagian daripada

inisiatif tanggungjawab korporat untuk menerapkan kemahiran pemanduan defensif di kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang mengurus dan mengendalikan kenderaan konsesi serta pemandu-pemandu yang menggunakannya untuk

menjalankan tugas-tugas rasmi.

Dalam masa yang sama, ia adalah antara usaha SPANCO untuk menangani kes kemalangan membabitkan kenderaan kerajaan yang semakin meningkat setiap tahun.

Program Pemanduan Defensif siri pertama yang dilancarkan pada 27 Ogos lalu telah berjalan dengan jayanya, dihadiri oleh 60 peserta. Tiga siri lagi telah dirangka akan dilaksanakan dalam tempoh suku keempat 2016 dan suku pertama 2017.

Sepanjang 2015, sebanyak 2,707 kes kemalangan direkodkan yang melibatkan kos pembaikan yang tinggi. Lebih membimbangkan ialah setakat Ogos 2016 sahaja, sejumlah 2,666 kes kemalangan dicatatkan dengan kos pembaikan yang semakin bertambah.





- ❶ Peserta-peserta Kursus Pemanduan Defensif siri pertama.
- ❷ Dato' Hamzah Mohd Salleh menyampaikan cenderahati kepada Encik Romli Dai.
- ❸ Taklimat sebelum ujian.
- ❹ Teori pemanduan defensif.

Kumpulan Sasar

Pemandu KJ dan pemandu KRJ yang terlibat dalam kes kemalangan yang berulang sepanjang tahun 2011 hingga 2016. Ia akan membabitkan 240 peserta setiap tahun.

Program

Peserta diberi empat latihan teori dan praktikal pemanduan pada siri-siri yang akan dilaksanakan.

Peserta juga didedahkan tentang tatacara penggunaan kenderaan dan ciri-ciri keselamatan.

Sekiranya tidak dibendung, jumlah kes kemalangan tersebut boleh melonjak kepada lebih 3,000 kes sehingga penghujung 2016. Ia boleh mengakibatkan kadar premium insurans yang lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan risiko kemalangan. Malah, ia turut menyebabkan tempoh pembaikan fleet meningkat dan tahap keupayaan bergerak fleet terganggu.

AKIBAT KADAR KES KEMALANGAN YANG TINGGI

1. Menjejaskan kelancaran operasi fleet Kerajaan apabila sesebuah kenderaan itu tidak dapat digunakan sepanjang tempoh pembaikan.
2. Bagi kes kemalangan

yang serius pula, terdapat kenderaan yang terpaksa dilupuskan dan pengguna perlu menunggu lama untuk mendapatkan kenderaan baharu. Ini akan mengakibatkan kepincangan terhadap tugas harian.

KEMALANGAN YANG MELIBATKAN KEHILANGAN NYAWA

1. Dalam tahun 2015, seramai empat orang telah terkorban.
2. Manakala setakat Ogos 2016 sahaja, tiga kes kematian telah dicatatkan.
3. Kehilangan nyawa ini merupakan satu kerugian besar kepada negara, selain hilangnya tempat bergantung ahli-ahli keluarga yang terlibat.

Program yang akan diadakan secara berterusan ini adalah sebagai satu langkah bagi membantu menerapkan budaya pemanduan selamat dan berhemah di kalangan pemandu-pemandu kenderaan konsesi. Ia juga dapat menambah baik kemahiran pemanduan terutamanya dalam keadaan kecemasan.

Majlis perasmian program dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO, Dato' Hamzah Mohd Salleh, Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam Kementerian Kewangan Malaysia, Encik Romli Dai, pegawai-pegawai Kerajaan dan wakil-wakil penaja.

- ❺ Barisan pengurusan SPANCO bersama para penaja dan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan.
- ❻ Tuan Roslan Idrus memberikan ceramah motivasi.
- ❼ Ucapan perasmian oleh Encik Romli Dai.
- ❽ Penyampaian sijil peserta.
- ❾ Latihan praktikal





Terus Komited Menganjurkan Kejohanan Futsal SPANCO 2016 untuk Kali Kedua

Bersempena Hari Sukan Negara baru-baru ini, satu Kejohanan Futsal SPANCO 2016 bertempat di Uptown Sports Futsal, Bandar Baru Bangi, Selangor telah diadakan pada 8 Oktober yang lalu.

Sebagai sebuah badan korporat yang sentiasa prihatin dan komited, SPANCO turut menyokong agenda Kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebuah 'Bangsa Bersukan' demi memupuk amalan budaya

hidup cergas dan aktif dengan menganjurkan kejohanan futsal tahunan ini selama dua tahun berturut-turut.

Sejumlah 70 pasukan telah mengambil bahagian dengan 64 pasukan lelaki dan enam pasukan wanita. Ia melibatkan 560 orang peserta yang mana sebahagian besar dari mereka terdiri daripada kakitangan pelbagai kementerian dan jabatan Kerajaan.

Acara yang dirasmikan oleh YB Datuk Saravanan



a/l Murugan, Timbalan Menteri Belia Dan Sukan ini menawarkan piala dan wang tunai untuk empat pasukan terbaik bagi kategori lelaki dan wanita. Cenderahati turut diberikan kepada kesemua peserta selain 40 hadiah cabutan bertuah iaitu TV plasma, peti sejuk dan jam tangan berjenama.

Juara untuk kedua-dua kategori menerima piala dan wang tunai bernilai RM1,000 manakala

tempat kedua menerima wang tunai RM800, ketiga RM600 dan keempat RM400.






Statistik

Kemalangan & Saman untuk Kenderaan Fleet SPANCO


Rekod Kemalangan Fleet 2010-2016



- Pada September **2016** saiz fleet adalah **12,290 unit**, meningkat daripada **12,030** pada **2015** dan **10,733** pada **2014**.
- Terdapat peningkatan dari segi kos pembaikan kemalangan pada 2016 berbanding tahun-tahun sebelum ini.
- Setakat September 2016, kos pembaikan kemalangan adalah **RM8.26 juta** manakala purata kos pembaikan adalah **RM5,273** setiap kes.
- Sebagai perbandingan, kos pembaikan setakat September 2015 adalah **RM5.59 juta** manakala bagi keseluruhan 2015 adalah **RM7.83 juta**.

- Saman tertunggak didapati turut meningkat berbanding tahun-tahun sebelum ini.
- Setakat September **2016**, sebanyak **54,794** saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan **20,232** saman pihak berkuasa tempatan (PBT) masih belum dijelaskan oleh pengguna dan pemandu yang menggunakan fleet kenderaan SPANCO.
- Saman tertunggak yang belum diselesaikan akan mengganggu urusan penggantian kenderaan yang tamat pajakan.
- Pegawai kenderaan, pengguna mahupun pemandu bertanggungjawab untuk membayar saman-saman yang belum dijelaskan itu.

Rekod Saman Tertunggak 2011 - 2016





Dari kiri ke kanan: Aimi Diyana Azuddin, Hirman Hamzah, Rohana Abdullah, Mohd Affendy Abu Kassaim, Shaheeran Jalalludin, Hanifaizura Gerehan, Norazmi Abd Sani dan Noorazie Adyda Junaidi.

Jabatan Khidmat Pengurusan Pelanggan Bersedia Hadapi 2018 dengan Perancangan Rapi

Bertindak sebagai barisan hadapan dan menjalinkan hubungan strategik yang akrab bersama para pelanggan merupakan kunci tanggungjawab yang dipikul oleh Jabatan Khidmat Pengurusan Pelanggan.

Secara dasarnya jabatan ini merangkumi dua fungsi penting iaitu Pengurusan Akaun dan Perhubungan Awam & Komunikasi.

Pengurusan Akaun:

Bertanggungjawab untuk membangunkan hubungan jangka panjang dengan pelbagai akaun yang dimiliki oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan sambil memastikan penyelesaian pengurusan fleet dan kehendak mereka dipenuhi dengan memuaskan. Ia turut mengumpul maklum balas pihak pelanggan bagi

merancang langkah-langkah yang boleh diambil untuk penambahbaikan proses-proses dalaman.

Perhubungan Awam & Komunikasi:

Berperanan dalam membangun dan mengendalikan program strategik yang berkaitan, khusus untuk setiap pelanggan, iaitu selaras operasi lazim dan/atau cita rasa mereka. Begitu juga dengan program am bagi kumpulan sasaran yang lebih luas di mana ia perlu diuar-uarkan melalui pelbagai saluran media komunikasi.

Dari segi tenaga mahir, Jabatan Khidmat

Menerangkan tentang kemudahan 'SPANCO Mobile App' yang dapat meningkatkan lagi pengalaman pelanggan semasa berurusan dengan SPANCO.

Pengurusan Pelanggan kini terdiri daripada seorang Pengurus Kanan, seorang eksekutif akaun kanan, lima eksekutif akaun dan seorang kerani pentadbiran.

CABARAN

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh Jabatan Khidmat Pengurusan Pelanggan ialah untuk memastikan kenderaan

pelanggan digantikan tepat pada masanya. Salah satu punca kelewatan adalah kementerian-kementerian tidak membuat pesanan mengikut tempoh yang ditetapkan. Ini mengganggu program penggantian kenderaan apabila jumlah pengeluaran tidak mampu memenuhi jumlah pesanan.

Selain itu, saman yang tidak dibayar pengguna atau pemandu sebelum mengambil kereta baharu, terutamanya dari KEMANTAH dan PDRM yang memiliki saiz fleet yang besar, juga merupakan cabaran dan faktor kelewatan penggantian.



Kes-kes kecuaiian seperti kehilangan kunci pendua, tidak mematuhi jadual servis dan penyenggaraan sehingga mengakibatkan kegagalan mekanikal serta kecurian kereta turut menjadi fokus dalam mempertingkatkan kesedaran di kalangan pelanggan.

PENAMBAHBAIKAN

Bagi memastikan tiada sebarang kelewatan terutamanya untuk program penggantian kereta, beberapa penambahbaikan telah dilakukan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan Pelanggan, antaranya:

- Menyerahkan senarai saman kepada kementerian dan jabatan setiap bulan untuk memastikan ia diselesaikan lebih awal dan bukan pada saat akhir.
- Memastikan pesanan melalui Sistem Pengurusan Kenderaan eKereta diproses enam bulan sebelum Tarikh Tamat Pajakan (LED) supaya SPANCO boleh membuat perancangan stok dan penghantaran kereta kepada pelanggan. Senarai kereta-kereta yang pajakannya akan tamat dalam tempoh setahun ada disediakan untuk tindakan kementerian dan jabatan.
- Memastikan sebut harga caj penghantaran kereta diterima oleh pelanggan pada setiap 10–12 hari bulan iaitu sebelum invois cukai dikeluarkan, supaya mereka mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan
- pesanan pembayaran sebelum bayaran boleh dibuat.
- Untuk penyerahan pukal dan penghantaran menggunakan kapal laut, Jabatan Khidmat Pengurusan Pelanggan membekalkan maklumat lebih awal agar pelanggan boleh menyediakan peruntukan untuk kos-kos tersebut.
- Mengaturkan taklimat kepada kementerian dan jabatan Kerajaan supaya mereka memahami skop perkhidmatan SPANCO serta memaklumkan perkembangan dan polisi terkini dari Kementerian Kewangan.

Sering mengadakan perbincangan bagi mencari idea dan pendekatan terbaharu dalam mempertingkatkan perkhidmatan.

PERANCANGAN 2018

Dalam terus memberikan yang terbaik kepada pelanggan, Jabatan Khidmat Pengurusan Pelanggan telah bersedia merencanakan beberapa pelan tindakan bagi menghadapi 2018, antaranya:

Memperluaskan lagi pasukan Pengurusan Akaun untuk tahun 2017 bagi memastikan pelanggan mendapat perkhidmatan yang terbaik.

Bersedia menghadapi penambahan saiz fleet lebih-lebih lagi dengan pengeluaran model-model baharu yang mengujakan oleh PROTON.

Mengumpulkan maklum balas pelanggan dengan lebih tersusun bagi tujuan penambahbaikan yang berterusan dalam mempertingkatkan pengalaman keseluruhan semasa berurusan dengan SPANCO.





Perkhidmatan Cemerlang

Bantu Memudahkan
Pengurusan Kenderaan
Jabatan di MITI

Pernah berkhidmat di Bahagian Usahawan, Bahagian Pembangunan Sektor Perkhidmatan, di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Mohd Shamsulnizam Sulaiman bukan nama asing di MITI. Sejak memulakan tugas pada 2009 di MITI, pelbagai ilmu diperolehi sekaligus pengalaman selama tujuh tahun membawa beliau memegang jawatan

sebagai Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M48 di Bahagian Pentadbiran di MITI sekarang.

Bertugas sebagai Pegawai Penyelaras dan Penyelia di Unit Sekretariat Majlis dan Protokol di MITI, anak kelahiran Kluang, Johor ini turut menjalankan tugas menyelaras dan menyelia di Unit Pentadbiran Harian yang melibatkan

beliau secara langsung dalam Pengurusan Kenderaan Jabatan di MITI.

Mohd Shamsulnizam yang telah menggunakan khidmat SPANCO sejak Mac lalu telah menyelaras dan menyelia kenderaan Jabatan sebanyak 46 buah di mana 34 adalah dari sewaan SPANCO dan selebihnya adalah milik Kementerian.

“Sepanjang menggunakan perkhidmatan SPANCO, servis yang diberikan adalah yang terbaik. Permasalahan yang timbul sama ada servis atau kereta ganti dapat diatasi dengan pantas dan cemerlang sekali,” jelasnya.

Malah, beliau berpendapat sejak SPANCO mengambil alih fleet kenderaan dari Kerajaan, terdapat banyak perbezaan yang dapat dilihat.

“Antara perbezaan yang sangat jelas adalah dari segi pengurusan peruntukan jabatan yang mana segala urusan



Perbincangan bersama kakitangan amat perlu bagi meningkatkan mutu khidmat kerja.

sewaan dan penyelenggaraan terus kepada SPANCO termasuklah Pejabat MITI Wilayah yang menggunakan khidmat sewaan SPANCO dan diselia oleh ibu pejabat. Malah, peruntukan adalah teratur dan mudah untuk dibuat anggaran perbelanjaan mengikut suku tahunan,” ujarnya.

“Selain itu, dari segi penjimatan sama ada kos dan masa apabila kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan. Semua kos penyelenggaraan kereta SPANCO dimasukkan di dalam bil bulanan dan proses pembaikan dan penyelenggaraan semua diurus oleh SPANCO manakala kenderaan milik Kementerian memerlukan jabatan mengeluarkan peruntukan yang lebih besar dan mengambil masa yang lama untuk proses pembaikan dan penyelenggaraan,” terangnya.

Menurut beliau lagi, dari segi tamat tempoh usia kenderaan, SPANCO akan menggantikan kereta apabila tamat lima tahun pajakan dengan kereta baharu. Manakala kenderaan milik Kementerian, kos penyelenggaraan akan meningkat setelah tempoh hayat penggunaan semakin lama. Proses ini memudahkan pihak beliau untuk melaksanakan tugas tanpa perlu membazir wang dan masa untuk membaiki kenderaan yang telah berusia.

Sejajar dengan itu, beliau merasakan



Bersama kakitangan beliau, dari kiri ke kanan: Puan Zainun Abdullah, Encik Mohd Shamsulnizam, Encik Hirman Hamzah (Eksekutif Akaun SPANCO) dan Encik Mohd Nazri Jalani.

peranan SPANCO dalam memenuhi keperluan fleet di MITI amat membantu dalam pengurusan kenderaan terutamanya di Unit Pengurusan Kenderaan, Bahagian Pentadbiran. Melalui fleet SPANCO, permintaan kenderaan untuk urusan di luar pejabat dapat dipenuhi dengan penambahan kenderaan fleet selain kenderaan milik Kementerian. Jadual penyelenggaraan yang teratur juga sangat membantu dalam pengurusan kenderaan, di samping pengurusan fleet SPANCO yang kemas membantu beliau dalam melaksanakan tanggungjawab dengan lebih efisien.

Sehubungan dengan itu, Mohd Shamsulnizam turut merasakan pihak SPANCO seharusnya menjangkau lebih

jauh dalam membekalkan kereta-kereta kepada jabatannya.

“Perkhidmatan fleet SPANCO dalam membekal dan menguruskan kereta-kereta saloon dilihat begitu cemerlang dan saya berpendapat SPANCO juga berkeupayaan membekal dan menguruskan kenderaan-kenderaan yang lebih besar seperti pacuan empat roda, van, ‘coaster’ dan bas. Ini dilihat berdasarkan permintaan yang tinggi terhadap kenderaan jenis ini dan MITI mempunyai kenderaan yang terhad. Kebiasaannya, MITI akan menggunakan khidmat agensi sewa kereta luar selain mendapatkan pinjaman dari kementerian atau agensi lain yang lazimnya amat sukar diperolehi,” ujarnya.

Malah, berdasarkan pengalaman berurusan dengan SPANCO yang memberikan khidmat cemerlang maka beliau berpendapat SPANCO berupaya memikul tanggungjawab yang lebih besar dalam menyediakan penyelesaian untuk keperluan fleet Kerajaan amnya dan MITI khususnya di masa hadapan.

“Perkhidmatan yang disediakan oleh SPANCO adalah amat cemerlang. Cadangan saya adalah meningkatkan prosedur pengagihan dan pembekalan sama ada KRJ atau KJ dengan cara tempoh gantian atau pengagihan dapat dipendekkan. Saya berharap agar mutu dan kualiti perkhidmatan sentiasa dijaga dan dipertingkatkan lagi di masa akan datang.”



Sentiasa ‘turun padang’ bersama-sama mengetahui permasalahan yang dihadapi.

Alat Ganti Tidak Tulen? Jangan Ambil Risiko!

Kemalangan atau kerosakan kereta memerlukan anda ke bengkel untuk mendapatkan alat ganti baharu. Namun sering terjadi alat ganti yang rosak ditukar dengan yang palsu, tidak tulen ataupun yang telah dikitar semula.



Ada juga syarikat insurans membenarkan pengusaha bengkel

menggunakan alat ganti tidak tulen ini bagi membolehkan premium yang lebih rendah ditawarkan kepada para pengguna. Bagaimanapun ini sebenarnya amat membahayakan kerana barangan tiruan itu tidak menjamin keutuhan struktur kereta sekiranya berlaku kemalangan.

Begitu juga semasa melakukan servis dan penyenggaraan, menggunakan alat ganti tulen amatlah disarankan kerana ia telah dicipta dan diuji untuk memastikan keselamatan anda semasa memandu.

MENGAPA PERLU MENDAPATKAN ALAT GANTI TULEN

Sepadan – barangan yang tulen direka untuk keserasian tepat dan keseragaman ruang di antara panel-panel kenderaan. Bahagian yang tidak 'ngam' boleh menyebabkan kerosakan malah mendatangkan kecederaan.

Reka bentuk – komponen tulen seperti hud dan bampar direka dengan zon remuk yang boleh menyerap kesan hentakan bagi menjauhkan impak pelanggaran dari pemandu mahupun penumpang.

Kualiti – alat ganti tulen telah menjalani proses pembangunan yang sama seperti kereta, bermula dari peringkat permulaan ia direka sehinggakan kepada bahan yang digunakan untuk membuatnya.

Keselamatan – alat ganti tulen dibuat selaras dengan proses pembaikan oleh pengeluar kenderaan bagi memberikan perlindungan di samping mematuhi undang-undang kawalan keselamatan kenderaan. Penggunaan alat ganti yang tidak menepati spesifikasi bukan sahaja melupuskan jaminan pengeluar malah boleh menyebabkan kerosakan dan kecederaan.



Keupayaan struktur – setiap komponen menyumbang kepada kekuatan struktur kenderaan secara keseluruhan. Bahagian yang walaupun nampak biasa seperti cermin hadapan, cermin tingkap dan pintu sebenarnya menyokong keutuhan kenderaan semasa kemalangan. Tahap perlindungan yang disediakan alat ganti tulen terhadap keseluruhan struktur kenderaan telah diuji di peringkat pembikinan.



KUALITI PEMBAIKAN KEMALANGAN

Syarikat insurans dan pengusaha bengkel adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembaikan kereta telah disahkan dan dilakukan dalam keadaan yang profesional bagi memastikan keselamatan, keutuhan struktur, prestasi dan kegunaan kenderaan tersebut dikembalikan.

Bermakna setiap kali kereta anda dibaiki, anda berhak mendapatkan hasil kerja berkualiti yang akan mengembalikan kereta anda seperti sedia kala.

Bagaimanapun ada pengusaha bengkel yang mengambil jalan pintas untuk menjimatkan kos dengan menggunakan alat ganti yang tidak tulen yang akhirnya menyebabkan kerja-kerja pembaikan tidak menepati tahap mutu yang sepatutnya.



JADILAH PAKAR SERTA-MERTA

Apabila mengambil kereta dari bengkel pastikan anda memeriksa sama ada alat ganti yang digunakan adalah tulen dan kerja-kerja pembaikan telah dilakukan dengan betul sebelum anda membawanya pulang.

Pada mata kasar kereta mungkin nampak sempurna, namun bagaimana anda boleh tahu bahawa pembaikan telah dilakukan dengan sebaik-baiknya? Berikut adalah senarai langkah yang boleh diambil bagi menjadikan anda seorang yang arif tentang hal-hal pembaikan kereta.

Ambil tahu tentang kerja-kerja pembaikan kereta anda. Pastikan hanya alat ganti tulen digunakan untuk keselamatan, ketahanan, penampilan dan prestasi.

Langkah

01

Minta pengusaha bengkel menjelaskan pembaikan yang telah dilakukan dan mohon supaya rekod kerja pembaikan ditunjukkan kepada anda.

Langkah

02

Lihat keseluruhan badan kereta dan jika telah dicat semula, periksa adakah panel sepadan dan rata dengan panel yang lain.

Langkah

03

Lihat sudut-sudut di mana panel bertemu. Jurang yang luas atau tidak selari di antara panel mungkin disebabkan alat ganti tiruan telah digunakan.

Langkah

04

Lihat penampilan luaran dan dalaman kereta. Kereta yang kotor mencerminkan kerja-kerja pembaikan yang tidak sempurna.

Langkah

05

Pastikan alat ganti yang ditukar dan dibaiki boleh berfungsi dengan baik. Berikan perhatian pada lampu, pemegang pintu dan kunci.

Langkah

06

Minta invois untuk barang-barang yang ditukar dan tanya jika mereka menggunakan alat ganti tulen serta dapatkan jaminan pembaikan.

Hubungi Talian Bebas **1-800-88-6999** jika anda dapati kerja-kerja penyenggaraan atau pembaikan yang dilakukan oleh mana-mana pusat servis diiktiraf (PSD) adalah tidak memuaskan, kurang berkualiti atau tidak menggunakan alat ganti yang tulen.



'Gajet' Canggih

MENYELESAKAN LAGI PEMANDUAN

Kepesatan kemajuan dengan teknologi canggih masa kini turut mencipta pelbagai peralatan di dalam kereta yang memudahkan perjalanan dan menyelesaikan pemanduan. Mari kita lihat tujuh 'gajet' yang boleh dipasang di dalam kereta anda.



Alat Pengurut

Anda kini boleh memandu sambil mendapat urutan yang melegakan. Mempunyai lapan motor pengurut, pad pemanas pinggang dan penggetar yang boleh diprogramkan mengikut tahap urutan yang dikehendaki. Dengan reka bentuk ergonomik, tempat duduk pengurut ini disertakan bersama alat kawalan tangan dan penanda lampu LED.



Sistem Pemantauan Tekanan Tayar Tanpa Wayar

Direka untuk mengawasi tekanan tayar bagi memastikan angin yang secukupnya. Bertindak melalui pengimbas yang dipasang pada injap setiap tayar. Maklumat tekanan dipaparkan pada LCD manakala sesetengah model pula dihubungkan kepada telefon pintar bagi memantau tekanan tayar secara jarak jauh.



TrackR Bravo

Alat pengesan bersaiz syiling ini boleh dilekatkan pada apa juga barangan berharga termasuk kereta anda. Lekatkan pada barangan anda, kemudian muat turun aplikasi ke dalam telefon atau komputer dan hanya tekan butang untuk menjelaknya. Turut memanfaatkan 'Crowd GPS' bagi liputan yang meluas.





Stereng Dengan Pembesar Suara Bluetooth

Direka untuk membuat dan menjawab panggilan semasa memandu bagi tujuan keselamatan. Mudah dipasang dan serasi pada stereng sambil menyediakan pengecas USB, alat pembesar suara, mikrofon dan paparan LCD. Menyokong panggilan melalui arahan suara dan boleh digabungkan kepada sistem stereo kereta.

Pengecas Tanpa Wayar ▶

Sangat berguna dan selesa apabila memandu dengan pengecas tanpa wayar ini. Alat ini membolehkan telefon bimbit (yang menyokong modul ini) dicas dengan mudah tanpa perlu sambungan wayar. Pastikan ia mempunyai grip atau bermagnet agar tidak mudah menggelongsor.



Mobileye 560

Satu sistem bantuan pemanduan yang termaju bagi mengelak dan mengurangkan kesan pelanggaran. Disertakan dengan kamera pintar yang diletakkan pada cermin hadapan yang

mampu mengesan papan tanda, isyarat trafik, pejalan kaki, jarak antara dua kenderaan dan lorong. Ia juga memberi peringatan dalam situasi kecemasan terus kepada telefon pintar anda.



▶ Pengimbas Diagnostik

Alat ini boleh memeriksa serta menyimpan pelbagai data seperti jarak perbatuan, kelajuan, pecutan, penggunaan bahan api, RPM, pelepasan karbon, suhu enjin dan banyak lagi. Ada juga yang membolehkan anda terus melihat maklumat melalui sambungan 'bluetooth' di telefon pintar anda.





Seminar Logistik Pegawai Tentera Darat Tahun 2016

Kementerian Pertahanan Malaysia
06- 09 September 2016

Taklimat SMART (Penyenggaraan Servis dan Risiko)



IPK Negeri Sembilan

Negeri Sembilan
17, 18 & 19 Oktober 2016



Proton Edar Seremban

Negeri Sembilan
17, 18 & 19 Oktober 2016

IPK JOHOR

Johor
24 & 25 Oktober 2016

PSD KULIS AUTO, PASIR GUDANG

Johor
24 & 25 Oktober 2016

Taklimat SMART (Penyenggaraan Servis dan Risiko)



IPK Kota Bharu

Kelantan
20, 21 & 22 September 2016

**Proton Edar
Semambu, Kuantan**

Pahang
28 - 30 September & 1 Oktober 2016



**Latihan Keselamatan
Bersama JPAM**

Pusat Servis Wilayah Bangi
15 & 22 Oktober 2016



**Taklimat Pengurusan
Kenderaan MTU**

Pusat Servis Wilayah Bangi
2 November 2016



**Boling
Persahabatan MTU**

IOI City Mall, Putrajaya
2 November 2016

10

IDEA MENARIK MENEROKAI PERCUTIAN DI IRAN

Iran sememangnya sebuah negara yang sangat menakjubkan, kaya dengan khazanah memukau. Misteri Persepolis, taman-taman romantis penyair serta peninggalan sejarahnya serta keindahan pantai, seni bina bercirikan Islam, makam dan istana indah bersejarah serta makanan menarik di sini amat mengujakan. Kelonggaran visa turut memudahkan pengunjung yang ingin melawat negara Parsi ini.

SENI BINA DAN KEBUDAYAAN

Lihat saja pada seni bina bangunan megah dengan monumen Persepolis dan Isfahan serta indah dengan masjid Nasir al-Mulk, menggambarkan satu seni unik yang sukar ditafsirkan.



◀ PADANG PASIR LUT

Terokai ke gurun Lut, salah satu tempat paling panas dan terkering di dunia. Namun indah dengan pemandangan dan landskap padang pasir yang menakjubkan.



◀ MELUNCUR AIS

Bumi Iran penuh dengan aktiviti menarik seperti bermain ski di Dizin dan Shemshak, dua resort paling popular di Iran berdekatan Tehran, bandar yang dikelilingi gunung-ganang bersalji.



◀ 'VALLEY OF THE ASSASSINS'

Tersimpan seribu satu sejarah di sini, malah megah dengan kehangatan padang pasir, lautan padang hijau, perkampungan tradisional, istana Assassins dan pergunungan memukau.



◀ KEMBARA 'BACKPACK'

Melancong bersendirian tidak dibenarkan di Iran namun jika ingin melakukan, anda perlu mendapatkan sekurang-kurangnya dua teman bersama seorang pemandu pelancong.



◀ PERAYAAN

Iran kaya dengan kebudayaan dan keagamaan menepati pelbagai perayaan yang diraikan bermula dari perayaan bunga 'Gol-o-Golab' pada bulan Mei di Kashan hinggalah perayaan api 'Chak Chak' pada bulan Jun di Yazd.




◀ IRAQ BERSAMA IRAN

Iraq dan Iran memiliki pertalian peradaban. Pakej menjelajah kedua-duanya ada disediakan, bermula dari Baghdad, Babylon, Kufa, Uruk dan Sungai Tigris, kemudian ke Persepolis, Shiraz, Isfahan serta Tehran, satu perjalanan percutian yang mengujakan.



◀ PERCUTIAN AKTIVITI DAN PENGEMBARAAN

Anda juga boleh memilih percutian berbentuk aktiviti dan pengembaraan bermotosikal serta pacuan empat roda yang diatur oleh agensi pelancongan.



MENUNGGANG KUDA

Alami keseronokan menunggang kuda di penempatan nomad dan anda akan menjelajah gunung dan hutan hijau serta melihat keindahan sawah padi di Iran.

MENDAKI GUNUNG DAMAVAND

Walaupun mengambil masa empat hari untuk sampai ke puncak tertinggi di negara ini, iaitu sebuah gunung berapi 5,671 meter, namun agak berbaloi setelah sampai ke kemuncak destinasi.



BOTAK

MASALAH LAZIM BAGI LELAKI

Masalah keguguran rambut atau botak sememangnya amat merunsingkan sehingga menjadikan individu berasa kurang yakin atas penampilan diri. Pola kebotakan lelaki (male pattern baldness atau androgenic alopecia) kerap terjadi pada satu peringkat dalam kehidupan. Menurut Perpustakaan Perubatan Negara Amerika Syarikat (NLM) lebih 50 peratus lelaki berusia 50 tahun ke atas akan mengalaminya.

Apakah yang menyebabkan botak?


Salah satu punca pola kebotakan lelaki adalah faktor genetik. Kajian mendapati ia bersangkutan dengan androgen iaitu hormon lelaki yang mempunyai banyak fungsi termasuklah menggalakkan pertumbuhan rambut.

Botak yang disebabkan keturunan lazimnya tidak mendatangkan kesan kesihatan,

namun kadangkala mempunyai kaitan yang lebih serius seperti kanser, tiroid, steroid anabolik atau ubatan yang diambil. Tahap kesihatan mungkin satu penyebab apabila terdapat kesakitan, ruam, kulit kepala mengelupas, rambut putus, keguguran rambut bertompok atau paten yang jarang berlaku. Untuk mengungkai masalah ini, biopsi kulit dan ujian darah diperlukan.

ADAKAH SAYA KEHILANGAN RAMBUT SAYA?

Sekiranya rambut anda mula gugur di bahagian tengah kepala maka anda berkemungkinan besar menghadapi pola kebotakan lelaki. Seseorang lelaki mengalami botak bertompok manakala ada juga yang mendapati garis rambut mereka semakin merosot (seperti bentuk 'M') secara berterusan, sehingga akhirnya tiada seurat rambut pun yang tinggal.



SIAPA YANG BERISIKO?

Masalah botak boleh terjadi bermula pada usia remaja tetapi biasanya berlaku kepada lelaki dewasa. Genetik memainkan peranan besar dan mereka yang mempunyai ahli keluarga yang botak, berisiko paling tinggi.



CARA MENANGANI MASALAH KEGUGURAN RAMBUT

Jika tahap kesihatan bukan punca masalah ini, maka rawatan perubatan tidak diperlukan. Bagaimanapun, terdapat cara untuk menangani masalah botak.

GAYA RAMBUT

Sembunyikan bahagian botak dengan membuat gaya rambut berlainan. Minta bantuan pendandan rambut untuk mendapat potongan rambut yang dapat menutup bahagian tersebut dan menjadikan rambut nipis kelihatan lebat.



RAMBUT PALSU

Rambut palsu boleh menutup rambut yang nipis dan garis rambut yang merosot. Terdapat pelbagai gaya, warna dan tekstur di pasaran yang kelihatan seperti rambut anda sebenar.

MENYAMBUNG RAMBUT

Ia sama seperti rambut palsu cuma dijahit pada rambut sebenar namun mestilah mempunyai helaian rambut yang mencukupi untuk disambungkan. Kebaikannya, ia kekal di kepala walaupun anda melakukan aktiviti lasak. Keburukannya, ia mesti dijahit semula apabila rambut baharu tumbuh dan proses menjahit ini boleh merosakkan rambut semula jadi anda.



FINASTERIDE (PROPECIA, PROSCAR)

Satu rawatan pengambilan ubatan yang bertindak menghalang pengeluaran hormon lelaki yang bertanggungjawab terhadap kehilangan rambut sekali gus melambatkan botak. Ia lebih berkesan berbanding minoxidil tetapi keguguran rambut akan kembali jika berhenti mengambalnya.

Finasteride perlu diambil selama tiga bulan hingga satu tahun sebelum mendapatkan hasil. Kesan sampingan adalah kemurungan, gatal, ruam, pertumbuhan payudara, kemerahan pada puting, bengkak pada muka atau bibir, rasa sakit semasa ejakulasi, sakit pada buah zakar dan sukar terangsang.

MINOXIDIL (ROGAINE)

Minoxidil adalah rawatan sapuan pada kulit kepala yang melambatkan keguguran di samping merangsang penumbuhan rambut baharu. Antara empat bulan hingga satu tahun diperlukan untuk menampakkan hasil namun keguguran rambut boleh berulang sekiranya rawatan dihentikan.

Antara kesan sampingan: kulit kepala menjadi kering, gatal, merekah dan berkeleumumur. Namun mungkin lebih serius seperti berat badan bertambah, bengkak pada muka, tangan, tumit atau perut, jantung berdegup laju, sakit dada serta sesak nafas. Jika terdapat tanda-tanda ini, berjumpa dengan doktor.



PEMINDAHAN RAMBUT

Rawatan ini agak mahal dan caranya adalah dengan menanam rambut ke bahagian yang botak atau menipis, menggunakan rambut dari bahagian kulit kepala yang lebat. Selalunya rawatan perlu dilakukan berulang dan risikonya adalah parut dan jangkitan. Kebaikannya, ia kekal dan nampak lebih semula jadi.

KAUNSELING

Pola kebotakan lelaki adalah satu perubahan yang mungkin sukar untuk dihadapi oleh sesetengah dari kita. Anda mungkin perlu berjumpa pakar kaunseling jika merasa tidak selesa, merasa rendah diri, tertekan atau masalah emosi lain.

BOLEHKAH KEGUGURAN RAMBUT DIATASI?

Tiada cara yang diketahui untuk menghalang pola kebotakan lelaki. Ada teori mengatakan masalah tekanan menjadi penyebab keguguran rambut. Oleh itu, anda boleh

mengurangkan tekanan dengan melakukan aktiviti yang ringan dan santai seperti berjalan kaki, mendengar muzik dan menikmati masa bersendirian.



PILIHAN SERVIS ANDA



Cawangan Proton Edar
atau Wakil Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

SABAH - PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - TAWAU



PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - TAWAU

CL. 105, 346, 718/727 Kilometer 5
Jalan Utara Off Tawau Municipal Centre
91000 Tawau, Sabah

Tel 089 759 017 / 759 018

Faks 089 758 984

Juruteknik | 9 Orang Hoist | 14 Unit

SABAH - PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - KOTA KINABALU



PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - KOTA KINABALU

Mile 5 1/2, Jalan Tuaran, Inanam
88806 Kota Kinabalu, Sabah

Tel 088 421 222 / 435 677

Faks 088 420 117

Juruteknik | 13 Orang Hoist | 9 Unit

SABAH - WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR - KOTA BUMI SDN BHD



WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR - KOTA BUMI SDN BHD

Lot 162, Lok Kawi Industrial Estate
KM 18 Lok Kawi,, 88802 Kota Kinabalu, Sabah

Tel 088 751 172

Faks 088 751 300

Juruteknik | 8 Orang Hoist | 8 Unit



Cawangan Proton Edar
atau Wakil Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

SABAH - HAIP LOONG SDN BHD - KOTA KINABALU



HAIP LOONG SDN BHD

CL 215390122 Bangunan HL
Jalan Bundusan, Penampang P.O. Box 10731
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel 088 701 133 / 701 188
Faks 088 701 118
Juruteknik | 3 Orang **Hoist** | 2 Unit

SABAH - COLOR MIXING SDN BHD - LABUAN



COLOR MIXING SDN BHD

Lot 2 Block B, Pertama Industrial Estate
Jalan Ranca - Ranca, P.O. Box 80077
87010 Labuan, Sabah
Tel 087 411 688 / 426 687
Faks 087 414 688
Juruteknik | 9 Orang **Hoist** | 8 Unit



Jalan raya bukannya tempat untuk menguji keberanian anda.



**Pilih Tempat Melintas Yang Betul.
Anda Mampu Mengubahnya.**

Memandu terlalu dekat dengan kenderaan di hadapan adalah sangat berbahaya. Dalam keadaan kecemasan anda tidak ada masa untuk bertindak atau mempunyai ruang yang cukup untuk mengelakkan kemalangan yang tidak diinginkan berlaku. Ini dapat memastikan perjalanan anda tidak berakhir dengan tragedi.

Layari www.jkjr.gov.my untuk mengetahui lebih lanjut.